

SJK (C) PEI HWA JB
BAHASA MELAYU (PEMAHAMAN) TAHUN 5
PENILAIAN 1 (MAC 2017)


Nama : _____ () **Markah** : _____ %
Kelas : 5 () **Tarikh** : _____ /3/2017
T/tangan Ibu Bapa: _____

MASA : 1 JAM 15 MINIT

Arahan :Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**. kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** mengandungi empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Kamu dikehendaki memilih satu jawapan sahaja. Kemudian tandakan jawapan anda dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan. Bagi soalan **Bahagian B**, jawab dalam kertas soalan.

Bahagian A (Soalan 1 – 13)

Soalan 1. Berdasarkan gambar di bawah.



1. Kedatangan kami telah disambut dengan _____ yang manis oleh Pak Ali.
- A. jeritan
 - B. jelingan
 - C. pelawaan
 - D. senyuman

2. Setiap kali perhimpunan pagi diadakan di dewan sekolah , guru besar akan _____.
- A. beratur
 - B. berbaris
 - C. berucap
 - D. berhimpun


Soalan 3. Berdasarkan gambar di bawah.



3. Akibat hujan lebat yang terlalu _____, rumah Encik Yap telah dinaiki air.
- A. lama
 - B. suntuk
 - C. segera
 - D. sementara
4. " _____ letakkan pasu-pasu bunga itu di sebelah pintu pagar" kata ayah kepada Vinesh.
- A. Sila
 - B. Minta
 - C. Mohon
 - D. Tolong
5. _____ orang jururawat telah ditugaskan untuk merawat nenek Soon Keat yang sedang sakit di rumah.
- A. Para
 - B. Dua
 - C. Semua
 - D. Seluruh

6. Wajah Puteri Raja Chin Ho bukan sahaja _____, malah hati baginda amat mulia kerana selalu membantu rakyat yang dalam kesusahan.
- A. jelitawan
 - B. hartawan
 - C. maharani
 - D. dermawan
7. Penduduk Taman Bahagia sentiasa _____ dalam menjaga kebersihan taman perumahan mereka.
- A. setiausaha
 - B. bekerjasama
 - C. menunjuk arah
 - D. tanggungjawab


Soalan 8. Berdasarkan gambar di bawah.



8. Laila dan Jasmin gemar bermain _____ di padang pada waktu petang.
- A. kawan-kawan
 - B. kunang-kunang
 - C. layang-layang
 - D. bintang-bintang
9. " _____ mahu rakyat di negeri ini hidup dalam suasana yang aman dan harmoni, " titah Sultan Mahmud.
- A. Beta
 - B. Patik
 - C. Hamba
 - D. Baginda

10. Majlis perasmian minggu antidadah itu telah dirasmikan oleh _____
Inspektor Narendra.
- A. Cik
 - B. Puan
 - C. Encik
 - D. Tuan
11. "Persembahan lakonan tadi sungguh menarik. Yang melakonkan watak itu _____?" tanya Jun Jie kepada Aisyah.
- A. siapa
 - B. mengapa
 - C. bila
 - D. di

Soalan 12. Berdasarkan gambar di bawah.



12. Murid-murid bersikap _____ semasa gotong-royong membersihkan kawasan sekolah diadakan semalam.
- A. mati akal
 - B. ringan tulang
 - C. berputus asa
 - D. panjang tangan
13. Semasa mesyuarat itu berlangsung, Encik Tan memberi _____ supaya setiap penduduk perlu membersihkan kawasan taman mengikut giliran.
- A. gangguan
 - B. cadangan
 - C. bayangan
 - D. rancangan

Pilih **ayat pasif yang betul** berdasarkan ayat yang diberi.

14. Nenek mengambil daun pisang di belakang rumah.
- A. Nenek mengambil daun pisang di hadapan rumahnya.
 - B. Diambil oleh nenek rumah di belakang pokok pisang.
 - C. Daun pisang mengambil nenek di belakang rumah.
 - D. Daun pisang di belakang rumah diambil oleh nenek.

Pilih **ayat aktif yang betul** berdasarkan ayat yang diberi.

15. Murid-murid diarahkan beratur oleh Guru Besar.
- A. Guru Besar dan murid-murid diarahkan beratur.
 - B. Murid-murid mengarahkan Guru Besar beratur.
 - C. Guru Besar mengarahkan murid-murid beratur.
 - D. Murid-murid beratur selepas dimarahi Guru Besar.

Pilih ayat yang **betul**.

16. A. Ayah menghadiahi sebarang cincin kepada ibu.
B. Ibu menghadiahkan kakak seutas rantai emas.
C. Pokok kelapa itu ditebang oleh ayah semalam.
D. Mohan bercita-cita menjadi doktor pakar kemudian dewasa nanti.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah ini kemudianjawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, kami sekeluarga pulang ke kampung ayah . Kampung ayah terletak di selatan tanah air. Sudah lama kami tidak pulang ke kampung kerana ayah dan ibu sibuk bekerja.

Ayah merupakan **anak bongsu** daripada empat adik-beradik. Semua abang dan kakak ayah pulang ke kampung. Saya berasa sangat gembira kerana dapat berjumpa dengan sepupu-sepupu di kampung. Banyak aktiviti yang kami lakukan semasa di kampung.

Pada waktu petang, saya dan sepupu-sepupu bermain tarik upih. Kami menggunakan upih pinang yang diambil oleh datuk di belakang rumah. Pada keesokan harinya, datuk membawa kami memancing di sungai. Banyak ikan yang kami dapat. Nenek memasak ikan-ikan tersebut sebagai lauk makan tengah hari. Saya berasa seronok kerana dapat makan bersama-sama saudara mara yang lain.

17. Mengapakah penulis dan keluarga sudah lama tidak pulang ke kampung?

- A. ibu penulis sibuk
- B. penulis tinggal di asrama
- C. ibu dan ayah penulis sibuk bekerja
- D. penulis tidak suka pulang ke kampung

18. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penulis dan sepupu-sepupunya semasa berada di kampung?

- A. Membaca buku dan menonton televisyen
- B. Bermain tarik upih dan menangkap ikan di sungai
- C. Menangkap dan memasak ikan di tepi sungai
- D. Bermain tarik upih yang dimbil oleh datuknya di sungai yang berhampiran

19. Berikan maksud **anak bongsu** yang terdapat dalam petikan.

- A. Anak yang pertama
- B. Anak yang nombor dua
- C. Mempunyai dua orang adik
- D. Anak yang paling akhir

20. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A. Kampung penulis terletak di Johor Bahru
- B. Mereka kerap pulang ke kampung
- C. Penulis dan sepupu-sepupunya memancing di kolam ikan
- D. Seorang ahli keluarga penulis tidak pulang ke kampung.

BAHAGIAN B

(30 MARKAH)

Soalan 21

Senaraikan **kata berimbuhan pinjaman** yang terdapat dalam petikan di bawah.

Pada suatu hari, pasangan suami isteri yang miskin telah datang menghadap maharaja dan maharani. Mereka memohon bantuan keperluan harian kerana pasangan itu tidak mampu membiayai perubatan anaknya yang sakit. Pasangan raja yang dermawan itu pun menghulurkan bantuan. Sikap baginda dan isterinya sangat disenangi rakyat . Isteri baginda bukan sahaja jelitawan malah hatinya sangat mulia.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

[4 markah]

Soalan 22


a. Tulis **ayat tanya tanpa kata tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya : _____

Jawapan : Saya sudah membaca berita itu.

[2 markah]


b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



“Azman, tolong alihkan kerusi ini ke belakang kelas.” kata Cikgu Lim.

[2 markah]

c. Tulissimpulan bahasa berdasarkan gambar di bawah.



[2 markah]

Soalan 23

Padankan **Kata Nama Khas Tak Hidup Institusi** yang terdapat dalam ayat di bawah.

Ayah dan abang menyaksikan perlawanan bola sepak _____ di Stadium Bukit Jalil.

Pokok bunga di _____ sangat cantik dan berwarna-warni.

Ayah membelikan tiket untuk menaiki kereta kabel di _____.

Ayah baharu sahaja membeli sebuah kereta _____ dua hari lepas.

_____ merupakan bandaraya bersejarah yang terdapat di Malaysia.

Melaka

Bukit Bendera

Proton Exora

Taman Botani

Piala Malaysia

[5 markah]

Soalan 24

Baca petikan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

Mei Mei : Mengapa kamu termenung Nora?

Nora : Saya memikirkan perlawanan bola jaring esok. Jasmeentha tidak dapat bermain kerana kakinya terseliuh. Dia merupakan ayam tambatan dalam pasukan kita.

Mei Mei : Kamu tidak perlu **risau**, Nora. Jika kita bermain secara berpasukan, pasti kita mampu untuk mengalahkan pihak lawan.

Nora : Betul itu, Mei Mei. Kita mestilah bekerjasama dan mengikut semua arahan yang diberikan oleh Cikgu Syikin, jurulatih kita.

Mei Mei : Ya, Nora. Setiap pemain perlulah sedar akan tanggungjawab masing-masing. Sebagai ketua pasukan, saya berharap kita dapat bermain dengan bersungguh-sungguh untuk memenangi perlawanan esok.

Nora : Saya berharap agar murid-murid sekolah ini akan turun beramai-ramai untuk memberikan sokongan kepada pasukan kita esok.

Mei Mei : Saya pun berharap begitu juga.

(a). Perlawanan yang akan disertai oleh Mei Mei dan pasukannya ialah

_____ .

[1 markah]

(b). Mengapakah Jasmeentha tidak dapat bermain dalam perlawanan bola jaring esok?

[2 markah]

(c). Apakah harapan Mei Mei terhadap pasukan bola jaringnya?

[2 markah]

(d). Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu mengamalkan sikap bekerjasama?

[3 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Nama aku lidi. Aku berasal daripada pelepah daun kelapa. Aku dikumpulkan bersama rakan-rakanku yang lain. Dahulu, kami pernah **bertengkar** kerana bangga akan kelebihan masing-masing.

Kami mempunyai pelbagai bentuk. Ada yang kurus, ada yang gemuk dan ada juga yang pendek. Masing-masing menceritakan kelebihan diri sendiri. Semua tidak mahu mengalah kerana tidak sedar akan kekurangan masing-masing. Mujurlah ada dalam kalangan kami yang menyedarkan kami tentang kepentingan bersatu padu. Tanpa bersatu padu, kami tidak mampu memberikan sumbangan kepada manusia.

Apabila kami bersatu, kami dapat digunakan oleh manusia untuk membersihkan sesuatu tempat. Sumbangan yang kami berikan itu banyak mendatangkan manfaat kepada manusia.

a. Apakah maksud **bertengkar** dalam petikan di atas ?

[1 markah]

b. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

Semua sedar akan kelebihan diri masing-masing dan tidak bergaduh.	
-------------------------------------------------------------------	--

Lidi diperbuat daripada pelepah daun kelapa.	
----------------------------------------------	--

[1 markah]

c. Mengapakah lidi dan rakan-rakannya tidak bersatu pada suatu ketika dahulu?

[2 markah]

d. Jika kamu sebagai lidi, adakah kamu ingin menjadi sebatang lidi atau seberkas lidi? Mengapa ?

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh : Puan Siti Surayabinti Misron

Disemakoleh : Puan Lee Siok Bee